

oleh: A. Samad bin Idris, Tan Sri Dato'

Sesuatu bangsa di manapun di dunia ini, ada tiga soal pokok yang terpenting yang tidak boleh diabaikan. Dari situ jugalah sesuatu bangsa itu dapat di ukur sama ada maju atau sebaliknya mundur. Pertama, politik kedua, ekonomi dan ketiga sosio-budaya.

Perbilangan dalam Adat Perpatih ada mengungkapkan, "Tiga tungku sejerangan, tiga tali sepilinan". Kalau di zaman bahari dulu ada tiga golongan masyarakat yang dianggap penting. Jika tiga golongan ini bekerjasama erat, kampung atau negeri itu akan mencapai kemajuan baik dalam apa bidang sekalipun. Begitulah sebaliknya kalau tiga golongan atau kumpulan ini bertelagah, berjalan tak seiring, seayun tak selenggang, seiyo tak sekata, pastilah kampung atau negeri itu tidak akan dapat menikmati kemajuan dan kejayaan.

Tiga kumpulan atau golongan yang dimaksudkan ialah:

1. Datuk Lembaga
2. Alim ulamak
3. Cerdik pandai

Inilah golongan orang-orang yang harus bersatu, masing-masing ada pengikut dan ada pengaruh sendiri.

Kalau di zaman silam, terutama di Negeri Sembilan Dato' Lembaga itu adalah orang-orang politik yang memegang tampuk kekuasaan dalam institutsi pentadbiran. Tetapi sekarang bolehlah kita andaikan mereka ini terdiri dari kalangan wakil-wakil rakyat.

Golongan alim ulamak samalah peranan mereka dengan alim ulamak masakini juga. Sementara cerdik pandai pula terdiri dari kalangan intelektual meliputi juga guru sekolah, orang-orang berilmu dan pakar-pakar tertentu.

SOSIO-BUDAYA

Saya tidak perlu menjelaskan di sini apa itu tungku kerana semua orang sudah tahu, tetapi 'tiga tali sepilinan', banyak orang tidak memahaminya terutama anak-anak muda sekarang. Membuat tali biasanya dipintal daripada ijuk enau. Kalau satu pilin atau pintalan saja, tentulah tali berkenaan tidak cukup kuat. Bagi menguatkan lagi pintalan tali itulah, mereka memilin hingga sampai tiga pintalan.

Dalam rencana ini saya hendak menumpukan kepada soal yang ketiga, iaitu sosio-budaya. Sesuatu bangsa itu akan dikenali atau dikira bermaruah dinilai dari budayanya. Budaya ini pula terlalu luas skopnya hingga merangkumi pelbagai aspek penghidupan.

Bolehlah disimpulkan di sini, budaya itu adalah identiti sesuatu bangsa sama ada daripada percakapannya, adat istiadat resamnya, budi bahasanya, makan minumannya, bentuk rumahtangganya dan berbagai-bagai lagi yang bersangkutan dengan kehidupan dan cara hidupnya.

Katalah sebagai orang Melayu, sudah tentulah bangsanya melambangkan kebudayaan Melayu. Begitu juga dengan orang-orang Cina, India, Arab, Eropah dan lain-lain.

Demikianlah halnya dengan sesebuah negara. Jika sesuatu negara itu ditentukan letaknya di dalam peta atau geografi, kita perlu bertanya di manakah negara kita Malaysia?

Dari geografi jelas menunjukkan Malaysia terletak dalam gugusan Pulau-Pulau Melayu atau Malay Archipelago. Sekarang lebih dikenali dengan rantau Nusantara, yang kemudiannya disebut rumpun bangsa Melayu. Malah sebelum ini negara kita dikenali sebagai 'Semenanjung Tanah Melayu' atau di zaman belum merdeka 'Persekutuan Tanah Melayu dan Malaya.

Begitu jugalah negeri China, India, Arab, Afrika, Eropah dan sebagainya. Negara-negara berkenaan dikenali melalui bentuk budaya dan identiti rakyatnya. Budaya dan identiti inilah menentukan negara itu milik sesuatu bangsa tertentu kerana 'dari buah kekenalan pohonnya'.

AKIBAT PENJAJAHAN

Bagaimanapun, akibat penjajah barat telah menakluki negara-negara timur, beberapa perubahan politik dan ekonomi sekaligus menukar keperibadian bangsa timur. Gejala-gejala inilah kemudiannya mengukur sosio-budaya negara itu termasuk orang-orang Melayu.

Demikianlah negara Malaysia kita sekarang. Wajah negara Malaysia berubah sama sekali menjadi sebuah negara majmuk dengan bentuk penduduknya terdiri dari berbagai-bagai keturunan.

Sikap penjajah Inggeris membukakan pintu seluas-luasnya membawa masuk imigran ke Semenanjung Tanah Melayu adalah atas dasar kepentingan ekonomi. Ketika inilah orang-orang Cina dan India berhijrah ke negara ini dengan bebas.

Disebabkan orang-orang Cina mempunyai sifat dan kesedaran budayanya lebih tinggi daripada orang-orang Melayu dalam zaman penjajah dan sekarang juga maka jadilah kedudukan masyarakat mereka lebih maju.

Ini berbanding dengan masyarakat Melayu. Sekalipun asalnya bertamadun tinggi, tetapi akibat tekanan penjajah ke atas sosio-budaya, ekonomi dan politiknya menyebabkan mereka berubah dengan imej dan identiti seperti yang kita lihat sekarang.

Rupa-rupanya gagasan 'Malayan Union' Inggeris menjadi rahmat kepada bangsa Melayu. Ketika inilah timbulnya kesedaran betapa selama ini mereka 'laksana kerbau ditindik hidung'. Muncullah beberapa orang pemimpin Melayu di bawah teraju Dato' Onn Jaafar, Dato' Panglima Bukit Gantang, Zaaba dan rakan-rakannya yang sanggup 'biar putih tulang, jangan putih mata'.

Merekalah mengibarkan panji-panji kedaulatan raja-raja Melayu. Selepas pergolakan demi pergolakan dalam perjuangan ini, akhirnya Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan di bawah pimpinan Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra.

RINTANGAN

Memang berbagai-bagai rintangan dilalui sebelum masalah rumit dapat diselesaikan. Bagaimanapun sudah menjadi lumrah alam, tidak ada siapa pun 'dapat mengasah batu sepulau'. Agak mustahil bagi sesiapa pun dapat memuaskan hati semua pihak.

Masalahnya sekarang, rakyat Malaysia yang berbagai-bagai kaum sudah tegak berdiri dengan haluan masing-masing akibat terasuh di bawah sistem pendidikan mengikut acuan penjajah Inggeris. Terbentuklah sosio-budaya yang tidak seimbang di kalangan kaum-kaum ini.

Meskipun begitu taraf dan kedudukan setiap pihak dan golongan adalah terjamin menurut perlembagaan. Setiap rakyat bebas

mengamalkan budaya, agama, kepercayaan dan lain-lain. Tidak seperti beberapa buah negara di Asia Tenggara ini yang tidak perlu saya sebutkan.

Perkembangan sosio-budaya orang Melayu sekarang bolehlah diibaratkan baru saja berbunga. Malah mereka masih ketinggalan jika dibandingkan dengan masyarakat Cina dan India, yang mempunyai kesedaran budaya lebih positif.

Walaupun dalam bidang politik orang-orang Melayu mempunyai kesedaran, tetapi masih diselubungi kebimbangan dalam banyak hal terutama dalam bidang ekonomi. Lihat sahaja di sekeliling kita identiti siapa yang lebih menonjol.

Baik di Kuala Lumpur mahupun di Ipoh, Pulau Pinang, Seremban, Johor Bahru, Melaka, Kuching, Kota Kinabalu, malah Kota Bharu dan Kuala Trengganu - wujudkah identiti sebenarnya keperibadian bangsa Melayu?

Tidak mungkinkah apabila seorang pelancong dari Amerika Syarikat sebelum sampai ke Kuala Lumpur singgah terlebih dahulu di Taiwan, Hongkong dan Singapura tidak dapat merasakan apa-apa perbezaan? Terhunjamkah dalam hati mereka bahawa negeri yang dilihatnya ini 'Negara Malaysia'?

KEDAI FAN

Hanya pelancong-pelancong ini akan melihat orang-orang Melayu di Kuala Lumpur berniaga di celah-celah bangunan tinggi di Kampung Baru. Atau kedaifan mereka di Tanjung Tok Kong di Pulau Pinang, ke Datuk Keramat mereka akan melihat peniaga-peniaga Melayu yang masih disimpang perenang.

Saya pernah diberitahu mengenai seorang pemandu pelancong memberi penerangan kepada pelancong-pelancong yang menyusuri Jalan Tuanku Abdul Rahman sambil menunjukkan kedai-kedai besar milik orang-orang Cina dan India. Kemudian menunjukkan ke satu lorong dan berkata, 'Inilah kedai-kedai Bumiputera'.

Peristiwa demikian bukan sahaja memalukan, malah memilukan hati. Dalam keadaan inilah tiba-tiba pemimpin MCA mendapat ilham dari Badan Kebudayaan China untuk membina sebuah bandaraya kebudayaan Cina. Berita ini tersiar dalam 'The Star' 10 April lalu dengan tajuk:

\$5 mil MCA PLAN FOR CHINESE CULTURAL CITY

Apakah penonjolah budaya Cina di negara kita ini masih tidak cukup? Bagaimana dengan pagoda-pagoda dan tok kong-tok kong yang didirikan di merata negara ini? Tidak cukupkah dengan pagoda di Genting Highlands dan Resort Worldnya? Apakah jambatan perpaduan yang sekian lama dibina perlu dihancurkan?

Negara ini bukan milik kita seorang sahaja. Ianya akan diwarisi oleh generasi akan datang. Di manakah manafaatnya mahu membina sebuah 'cultural city' bagi orang Cina di negara ini, kalau inginkan perpaduan nasional?

PENONJOLAN

Isu ini agak sensitif kepada orang Melayu. Seperti saya katakan di peringkat awal tadi, tiga tali sepilinan yang ada kait mengait antara satu pilin dengan pilin yang lain perlu kalau mahu mengukuhkan ikatan yang terjalin dan dapat pula diertikan kepada skop yang lebih luas iaitu perpaduan tiga kaum terbesar di negara ini, Melayu, Cina dan India.

Pada masa lampau sepanjang ingatan saya, tokoh-tokoh politik Melayu belum pernah menonjolkan soal-soal budaya. Manakala tokoh-tokoh budaya pula belum pernah secara langsung melibatkan diri dalam politik. Jika ini terjadi kemungkinan struktur politik Malaysia akan berubah.

Nampaknya sekarang isu budaya sudah dicampur-aduk dengan politik. Kita bimbang kalau masalah ini berterusan akhirnya 'budak-budak bermain abu, orang tua yang buta mata'.

Pemimpin-pemimpin MCA perlu menyedari 'di mana kaki dipijak di situlah langit dijunjung'. Apalah erti menimbulkan isu demikian, dalam masa parti-parti komponen BN berusaha memupuk

perpaduan nasional. Sudah tentu pula bukan semua masyarakat Cina bersetuju dengan cadangan demikian.

Beberapa rakan Cina yang sempat saya temui memberitahu, mereka terkejut dengan isu MCA ini. Apa lagi kalangan peniaga yang lebih cintakan keharmonian. Mereka tidak mahu timbulnya perpecahan kaum hingga tidak menguntungkan aktiviti perniagaan.

MCA boleh menarik sokongan masyarakat Cina bukan dengan isu demikian. Sikap pemimpin-pemimpin MCA mahu menjaga kepentingan peribadi demi cita-cita politik mereka mungkin kecundang jika sokongan padu yang diberikan oleh orang-orang Melayu pada setiap kali pilihanraya yang lalu akan menepati pepatah Melayu 'yang dikandung berciciran yang dikejar haram tak dapat'. Ini akan hanya meletakkan masyarakat peniaga Cina dan anak-anak muda yang telah memupuk rasa perpaduan di dalam keadaan dilema.

Di sinilah MCA sebenarnya lupa terhadap satu golongan lain yang tidak kurang pentingnya dari sudut politik mereka sendiri. Setiap pemimpin negara hari ini hendaklah berpandangan jauh dengan menggunakan kepintaran dan kebijaksanaan ke mana arah dan haluan negara hendak ditujukan. Kepentingan masa depan generasi semestinya tidak diabaikan begitu saja. Janganlah kerana seekor kerbau membawa lumpur semuanya habis terpalit.